

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN :            LISAN

DARIPADA                TUAN MANIVANAN A/L GOWINDASAMY  
                                  [KAPAR]

TARIKH                    15 MAC 2016  
                                  8765

RUJUKAN

SOALAN:

Tuan Manivanan a/l Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan :-

- (a) statistik yang terperinci mengenai kes bunuh diri yang berlaku dalam negara untuk tahun 2010, 2011, 2012, 2013, 2014 dan 2015 mengikut kategori umur, jantina dan kaum; dan
- (b) apakah usaha-usaha dan langkah-langkah secara terperinci yang diambil bagi mencegah kejadian bunuh diri, memandangkan berlakunya kejadian bunuh diri secara purata satu hingga dua kes setiap hari di negara ini.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Kejadian membunuh diri atau cubaan untuk membunuh diri di kalangan penduduk Negara ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masalah kewangan, tekanan jiwa, kecewa dalam percintaan, masalah keluarga dan sebagainya.**

**Statistik bunuh diri di seluruh Negara bagi tahun 2014 sehingga 2015 seperti berikut: -**

	<b>2014</b>	<b>20155</b>
JOHOR	69	68
KEDAH	31	45
KELANTAN	11	11
KUALA LUMPUR	18	30
MELAKA	11	11
N.SEMBILAN	32	21
PAHANG	21	20
PERAK	69	58
PERLIS	3	2
P.PINANG	41	35
SABAH	20	25
SARAWAK	30	21
SELANGOR	81	76
TERENGGANU	5	5
<b>JUMLAH</b>		

**Antara langkah-langkah kesedaran untuk membendung masalah bunuh diri atau cuba membunuh diri seperti berikut: -**

**1. Bimbingan Kaunseling Dan Perkhidmatan Psikoterapi.**

**Perkhidmatan psikoterapi merupakan sejenis rawatan gangguan bunuh diri melalui kaedah psikologi. Kaunseling mampu membantu individu yang bermasalah agar mengurangkan konflik hidup mereka. Perkhidmatan kaunseling dan psikoterapi berperanan menyediakan ruang untuk mangsa meluahkan isi hati mereka, dan pihak kaunselor akan memberikan nasihat bagi membantu individu tersebut menyelesaikan masalahnya. Kaunseling juga diberikan kepada keluarga mangsa bunuh diri supaya mengurangkan tekanan terhadap mangsa. Dengan itu, jelaslah bahawa kaunseling dan perkhidmatan psikoterapi merupakan satu langkah yang penting dalam mengelakkan kes bunuh diri.**

**2. Pendidikan Agama Atau Moral Juga Mampu Mengatasi Masalah Bunuh Diri.**

**Agama dipandang sebagai unsur penting untuk menanam ciri-ciri kemanusiaan yang mulia. Ibu bapa harus memberi pendidikan agama kepada anak-anak mereka sejak kecil lagi kerana "anak ibarat kain putih, ibu bapa yang mencorakkannya". Individu yang mempunyai asas nilai-nilai**

**mumi mampu menguasai nafsu mereka. Pendidikan moral dan agama boleh mengatasi masalah jiwa kosong dan memberikan kesedaran melawan nafsu yang keterlaluan. Dengan kesedaran tersebut, seseorang akan sentiasa bersyukur dengan kurniaan Tuhan. Pendidikan agama atau moral dapat mengurangkan tekanan bunuh diri.**

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA YB DATO' SHAMSUL ANUAR BIN HAJI NASARAH  
[LENGGONG]

TARIKH 15.3.2016

SOALAN NO. 63

Dato' Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [ Lenggong ] minta MENTERI PENDIDIKAN TINGGI menyatakan

(a) tahap keboleh pasaran graduan masa kini dan mekanisme dalam meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa atau mahasiswi tersebut; dan (b) adakah Kementerian bercadang untuk menawarkan kursus yang mempunyai permintaan tinggi di pasaran supaya mengelakkan berlakunya lambakan graduan yang menganggur.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2015, kadar kebolehpasaran graduan adalah sebanyak 76.1% dari 229,568 graduan. Kadar ini menunjukkan graduan yang berstatus bekerja semasa hari konvokesyen. Antara mekanisme yang digunakan dalam meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa adalah melalui pelaksanaan *Integrated Cumulative Grade Point Average* (iCGPA) yang dapat menilai 8 bidang kemahiran insaniah antaranya seperti pengetahuan, kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan serta penyelesaian masalah. Selain itu, elemen kemahiran insaniah turut diterapkan dalam kurikulum program dan pelaksanaan kokurikulum secara tidak formal melalui penganjuran aktiviti, sesi seminar dan kursus berkaitan pasukan beruniform dan kelab.

(b) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa melaksanakan semakan kursus yang ditawarkan kepada pelajar agar bersesuaian dengan pasaran kerja. Antara langkah yang diambil ialah melaksanakan Kursus Berdasarkan Konsep Pendidikan Berasaskan Hasil (OBE) dan melaksanakan semakan kurikulum secara berkala setiap 3 hingga 5 tahun. Selain itu, Kerangka Kelayakan Malaysia (*Malaysian Qualification Framework*-MQF) digunakan untuk menilai kualiti dan menanda aras semua kelayakan tahap pembelajaran yang dicapai, hasil pembelajaran dan sistem kredit. KPT juga turut melaksanakan kajian pasaran guna tenaga terhadap program akademik dan menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Tinggi untuk menilai, memperaku penawaran, melaksanakan semakan semula program akademik serta penjumudan program yang tidak lagi relevan dengan keperluan semasa. Langkah-langkah yang dilaksanakan ini dapat memastikan kursus-kursus yang ditawarkan dapat memenuhi permintaan pasaran kerja dan seterusnya meningkatkan kebolehpasaran graduan.